

# **WATAK WANITA DALAM MS 46 CERITA PANJI HIKAYAT KELANA SITA KEMBARA**

**(*Women's Character in Ms 46 The Panji Tales Hikayat Kelana Sita Kembara*)**

*Wan Khairoslinda Wan Mohd. Khairi\**

wanklinda221@gmail.com

Dewan Bahasa dan Pustaka

*Zubir Idris*

*zidris@ukm.edu.my*

*Yusmilayati Yunos*

*yusmila@ukm.edu.my*

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu

(BITARA Melayu),

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Corresponding Author (*Pengarang Koresponden*):\*

To cite this article (*Rujukan artikel ini*): Wan Khairoslinda Wan Mohd. Khairi, Zubir Idris, & Yusmilayati Yunos. (2022). Penampilan watak wanita dalam Ms 46 Cerita Panji Hikayat Kelana Sita Kembara. *Malay Literature*, 35(2), 283-304. [http://doi.org/10.37052/ml35\(2\)no7](http://doi.org/10.37052/ml35(2)no7)

Received:	19/9/2022	Revised:	12/10/2022	Accepted:	13/10/2022	Published online:	31/10/2022
Peroleh:	Semakan			Terima:		Terbit dalam talian:	

## **Abstrak**

Cerita panji yang popular di Jawa telah berkembang ke seluruh Kepulauan Melayu pada suatu ketika dahulu. Banyak naskhah cerita panji telah dikaji dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan rangka penyelidikan oleh pengkaji tempatan mahupun luar negara. Namun begitu, cerita panji yang didokumentasikan di Malaysia

masih kurang dikaji meskipun terdapat sejumlah besar naskhah yang tersimpan di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Universiti Malaya. Penelitian berkaitan dengan penampilan watak sampingan dalam cerita panji juga masih kurang dibincangkan secara tuntas oleh para penyelidik khususnya untuk membantu pembaca menghayati keindahan genre tersebut. Sehubungan dengan itu, pendekatan formalistik digunakan dalam kertas ini untuk meneliti penampilan watak wanita Ken Banjaransari dalam manuskrip Ms 46 cerita panji yang berjudul *Hikayat Kelana Sita Kembara* yang tersimpan di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka. Perbincangan ini bertujuan (i) mengenal pasti peranan watak wanita Ken Banjaransari yang ditemui dalam cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara*; (ii) membincangkan kaedah dan teknik penulisan yang digunakan oleh pengkarya bagi memperlihatkan penampilan watak wanita Ken Banjaransari dan (iii) mengenal pasti kesan peranan watak wanita Ken Banjaransari terhadap karya dan pembaca cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara*. Kesimpulannya, penampilan watak wanita Ken Banjaransari dalam cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara* berjaya memperlihatkan keupayaan pengkarya menggunakan pelbagai teknik penulisan untuk membina watak wanita Ken Banjaransari demi menghasilkan sebuah naskhah cerita panji yang menarik.

Kata kunci: Watak wanita, cerita panji, pengkarya, manuskrip, *Hikayat Kelana Sita Kembara*, pendekatan formalistik

### ***Abstract***

*The panji tales were popular in Java and gained widespread popularity throughout the Malay Archipelago at one point of time. Many manuscripts of these Panji tales have been studied using various approaches and research frameworks by both local and foreign researchers. However, there is still a dearth of the research, especially studies of the panji tales which were documented in Malaysia, despite the large number of manuscripts stored at the Malay Documentation Centre of Dewan Bahasa dan Pustaka, the National Library of Malaysia and the University of Malaya Library. Research related to the appearance of women character in the panji tales is still not thoroughly discussed by researchers, especially in helping readers to appreciate the beauty of the genre. Therefore, formalistic approach is used in this paper to examine the character's appearance in the manuscript Ms 46 panji tales entitled *Hikayat Kelana Sita Kembara* documented in the Malay Documentation Center, Dewan Bahasa dan*


*Pustaka. The discussion in this paper aims (i) to identify women's role of Ken Banjaransari in the panji tales of Hikayat Kelana Sita Kembara; (ii) to discuss the methods and techniques of writing used by the author to show the appearance of the women's character of Ken Banjaransari and (iii) to identify the effect of the role of women's character of Ken Banjaransari on the work and readers of the panji tales Hikayat Kelana Sita Kembara. In conclusion, the appearance of a women's character in panji tales Hikayat Kelana Sita Kembara successfully shows the ability of the author to use various writing techniques to build women's character in order to produce an interesting story of the panji tales.*

*Keywords:* Women character; panji tales, authorship, manuscript, Hikayat Kelana Sita Kembara, formalistic approach

## PENGENALAN

Penghasilan cerita panji yang berunsurkan cinta sebagai lumrah dalam kehidupan manusia menyebabkan penyebarannya berlaku dengan begitu meluas. Selain itu, jalan cerita panji yang membawa kepada tema peperangan, tema penyamaran, watak dan perwatakan, peranan dewa-dewa, dan pelbagai aspek yang berunsurkan alam kayangan telah menarik minat masyarakat tempatan mahupun di luar negara (Wan Khairoslinda, Zubir & Yusmilayati, 2017). Cerita panji yang bercorak pahlawan seperti hikayat, kelihatan menarik kerana dapat menimbulkan semangat keberanian pembaca atau pendengarnya dan sangat disukai oleh masyarakat sejak dahulu hingga kini. Selain itu, unsur lain seperti humor, moral, etika dan pelukisan budaya kehidupan masyarakat telah disampaikan melalui cara yang indah, meyakinkan khalayak untuk tidak jemu menikmati cerita panji (Abdul Rahman, 1989).

Sehingga kini, penulisan dan pengkajian cerita panji juga telah dilaksanakan, diselenggarakan serta dianalisis teksnya. Sehubungan dengan itu, ramai para pengkaji tempatan mahupun pengkaji luar negara telah melaksanakan pelbagai jenis kajian bagi meneliti cerita panji dalam pelbagai bidang. Antara kajian di luar negara berkaitan dengan bidang filologi dan sastera termasuklah oleh Poerbatjaraka (1940a, 1940b, 1968), Teeuw (1966), Ras (1973a, 1973b), dan Robson (1960, 1971); kajian daripada segi sejarah oleh Berg (1927, 1930) dan antropologi oleh Rassers (1922, 1959). Di Malaysia, kajian berkaitan filologi dan sastera diteliti oleh




Rajah 1 Manuskip Hikayat Panji Sita Kembara (Ms 46) yang tersimpan di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harun (1972, 1989, 1996), Abdul Rahman (1976, 1989, 2007), Noriah (1978, 1989), Rattiya (1988), dan beberapa orang pengkaji lain. Namun begitu, kajian cerita panji yang meneliti tentang watak wanita masih belum dilaksanakan berbanding dengan jumlah naskhah cerita panji yang sedia ada didokumentasikan khususnya di Pusat Dokumentasi Melayu (PDM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Perpustakaan Universiti Malaya.

Berdasarkan beberapa perkara yang dibincangkan, naskhah cerita-cerita panji yang didokumentasikan di DBP perlu diteliti dan dikaji oleh para penyelidik sama ada dalam bentuk teksstual ataupun analisis kesusasteraan bagi meneliti keindahan genre tersebut secara tuntas. Dalam kajian ini, naskhah Ms 46 cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara* dipilih dan dicerakinkan dengan pendekatan formalistik untuk meneliti penampilan watak sampingan. Pemilihan naskhah koleksi cerita panji di PDM, DBP, dilaksanakan dengan merujuk beberapa kaedah pemilihan naskhah, catatan penulisan dan rekod daftar katalog yang berwibawa.



Rajah 2 Halaman pertama manuskrip *Hikayat Panji Sita Kembara* (Ms 46).



Rajah 3 Kolofon atau halaman terakhir *Hikayat Panji Sita Kembara* (Ms 46) hlm. 306.

Manuskrip Ms 46 cerita panji yang berjudul *Hikayat Kelana Sita Kembara* yang tersimpan di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka dirujuk dalam kajian ini. Perbincangan dalam kertas ini bertujuan (i) mengenal pasti peranan watak wanita Ken Banjaransari dalam cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara*; (ii) membincangkan kaedah dan teknik penulisan yang digunakan oleh pengkarya bagi memperlihatkan

WAN KHAIROSLINDA WAN MOHD. KHAIRI, ZUBIR IDRIS AND YUSMILAYATI YUNOS penampilan watak wanita Ken Banjaransari dan (iii) mengenal pasti kesan peranan watak wanita Ken Banjaransari terhadap karya dan pembaca cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara*.

## METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan formalistik digunakan untuk menganalisis teks bagi memaparkan peranan watak wanita Ken Banjaransari dalam Ms 46 cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara*. Pendekatan formalistik sangat sesuai bagi perbincangan ini kerana pendekatan tersebut merupakan satu bidang kajian sastera yang menumpukan terhadap unsur-unsur dalaman karya yang meliputi tema dan persoalan, perwatakan, plot, gaya bahasa dan latar. Pemilihan watak wanita Ken Banjaransari dalam perbincangan ini diteliti kerana watak merupakan penggerak untuk mengembangkan plot, idea, dan tema cerita. Dalam pengupasan watak wanita, perbincangan ini cuba melihat kaedah pengkarya mendedahkan, memperkenalkan dan menentukan identiti watak tersebut. Pendekatan formalistik membolehkan watak diteliti daripada sudut peranan dalam karya yang dibincangkan oleh pengarang atau pengkarya untuk menjelaskan watak secara langsung atau secara tidak langsung. Huraian juga dilakukan terhadap hubungan watak dengan komponen lain seperti tema, plot, dan bahasa. Melalui pendekatan formalistik, sesebuah karya sastera yang baik dapat dilahirkan dan menjadi kebanggaan bangsa. Di samping itu, pendekatan formalistik melihat satu-satu aspek sahaja daripada bahagian-bahagian yang terdapat dalam sesebuah karya sastera. Hal ini turut diakui oleh Panuti (1988:6) yang menyatakan pendekatan formalistik ini merupakan satu pengiktirafan atau pendekatan yang hanya merujuk kepada suatu karya atau naskhah.

## PENCERAKINAN WATAK WANITA KEN BANJARANSARI DALAM CERITA PANJI *HIKAYAT PANJI SITA KEMBARA*

Babak peperangan ialah salah satu ciri utama penceritaan cerita panji. Dalam pengisahan cerita panji, unsur peperangan merupakan ciri yang sangat jelas dan menjadi kemestian bagi memperlihatkan jati diri watak Galuh atau Inu yang digambarkan memiliki sifat kedewaan (Noriah & Mariyam, 2005:59).

Sehubungan dengan itu, berdasarkan cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara*, pengkarya membina babak peperangan bukan sekadar untuk


memperlihatkan ketangkasan dan keperwiraan watak utama atau Panji, malah untuk memperlihatkan kesedihan kerana terpisah daripada orang yang disayangi. Dalam hal ini, kesedihan yang digambarkan melalui watak wanita, iaitu Ken Banjaransari berlaku apabila perpisahan Kelana Sangam Negara Tiga Bersaudara dengan ayahanda bonda mereka disebabkan kaul Sang Nata Daha yang tidak terbayar. Demi mencari ayahanda bonda maka mereka mengembala bersama-sama ibu saudara mereka, Ken Banjaransari dan Misa Rangga Dewa. Perjalanan mereka dipenuhi pancaroba seperti tersilap masuk ke negeri raksasa jelmaan, iaitu Negeri Tanjung Maya yang memperlihatkan suasana sunyi dan gelisah, tambahan pula tiada langsung menemukan seorang manusia atau haiwan di kota tersebut. Suasana persekitaran yang hening itu membawa kesan emosi kepada perwatakan Ken Banjaransari. Kesedihan kerana terpisah daripada keluarga sehingga beliau memelihara ketiga-tiga anak saudaranya sudah cukup membuat beliau berasa bimbang dan takut apabila berada dalam suasana yang sunyi seperti di Kota Tanjung Maya yang digambarkan oleh pengkarya:

Maka ditegur Ken Banjaransari katanya, “Datang tuan keempat. Marilah duduk dekat kaka di sini.” Maka keempatnya naik duduk menyembah.

Maka kata Jaran Indera Mengunung, “Oleh apa bonda tiada mahu naik ke istana? Hari hampirkan malam.”

Maka kata Ken Banjaransari, “Takut bonda tuan kalau negeri jin atau bota raksasa. Siapa tahu malam sekarang ia datang ke mari. Apa kerja tuan masuk ke mari semena-mena?” Maka Kelana Keempat pun tertawa mendengar kata kakanda baginda itu. (Hikayat Kelana Sita Kembara, t.t.:154-155)

Pembinaan dialog antara watak Ken Banjaransari dan Panji Sangam Negara sudah cukup merangsang imaginasi pembaca untuk mula menghayati perasaan Ken Banjaransari yang resah dan ketakutan apabila melihat keadaan persekitaran di Kota Tanjung Maya. Kerisauan beliau mulai dirasai kerana suasana kota yang sunyi dan hampir malam semakin membuat beliau berasa tidak selesa untuk masuk ke dalam istana. Bayangan beliau akan kehadiran jin atau raksasa di waktu malam juga turut menghantui pemikiran Ken Banjaransari untuk tidak naik ke istana tersebut walaupun dipujuk oleh Panji Sangam Negara.



**Rajah 4** Hikayat Panji Sita Kembara (Ms 46) hlm. 157.

Seterusnya, rasa kebimbangan dan kerisauan Ken Banjaransari untuk menghalang ketiga-tiga anak saudaranya daripada berperang dengan raksasa kerana dihantui ketakutan dapat dirasai dalam petikan di bawah:

... Telah melihat Misa Rangga Dewa datang gopoh-gopoh itu maka Ken Banjaransari pun terkejut, katanya, "Datang yayi, marilah duduk. Oleh apa datang gopoh-gopoh ini? Berdebar-debar hati kaka." Maka makin sangat Ken Banjaransari menangis sambil memeluk, mencium anakanda baginda katanya, "Aduh anakku tuan jiwa bonda!

Jangan tuan pergi melawan raksasa itu. Marilah kita undur dari sini. Jika tuan hendak pergi juga tuan bunuhlah bonda dahulu. Tiadalah datang hatiku melepaskan tuan pergi berperang dengan raksasa itu. Jika sama manusia dapat sedikit!” Di dalam berkata-kata itu maka kedengaranlah bunyi suara segala raksasa itu. Bunyi tempik segala penggawa seperti tagar yang tiada berputusan. Maka Kelana Keempat pun tiadalah terbicara lagi melihat laku bonda baginda itu.

Maka kata Misa Rangga Dewa, “Kakanda lepaskanlah anakanda ini, dengan tolong Dewata Mulia Raya tiadakan mengapa.”


Maka makin sangat takut Ken Banjaransari dan segala para puteri itu mendengar bunyi tempik sorak segala raksasa itu sekalian bertangis-tangisan. Maka kata Ken Banjaransari, “Aduh adinda! Tiadalah kaka lepaskan anakanda ini. Biarlah mati bersama kakanda di sini!” berkata itu sambil memegang tangan anakanda baginda Panji Sangam Negara dan Jaran Indera Mengunung. Pada hatinya, “Akan Andakan Sangwijaya tiada akan ia keluar jika tiada bersama saudaranya kedua.”

(Hikayat Kelana Sita Kembara, t.t.:157-159)

Gabungan pembinaan dialog, pemerian latar suasana dan perwatakan dapat menghidupkan suasana yang bertenaga dalam minda pembaca. Hal ini berperanan secara perlahan-lahan membawa pembaca merasai dan menyelami dunia kegelisahan, kebimbangan, ketidakpastian, dan ketakutan Ken Banjaransari.

Kehadiran Misa Rangga Dewa yang tergopoh-gopoh dan kehadiran bunyi suara segala raksasa yang semakin kuat dipaparkan oleh pengkarya sebagai hal yang mencemaskan Ken Banjaransari. Suasana ini bermain-main dalam minda pembaca yang dibawa oleh pengkarya dalam meneroka pergolakan jiwa Ken Banjaransari. Pergolakan jiwa Ken Banjaransari yang dikemukakan dengan pemerian latar perwatakan dan dialog cuba diperkuuh dalam bentuk monolog apabila ketiga-tiga anaknya tetap juga keluar berperang melawan tentera raksasa tanpa mengendahkan rayuan dan tangisan beliau itu. Pengkarya menggambarkan keadaan jiwa Ken Banjaransari seperti petikan berikut:

Bermula akan Ken Banjaransari tatkala anakanda baginda keluar berperang itu ia tinggal menangis terlalu sangat sebal hatinya serta takut mendengar tempik sorak orang berperang itu. Tambahan pula bimbang akan anakanda baginda, makin sangat ia menangis tiada berhenti seperti akan matilah rasanya. Dipujuk segala para puteri dan inang pengasuh itu pun Ken Banjaransari menangis juga. ...



**Rajah 5** Hikayat Panji Sita Kembara (Ms 46) hlm. 167.

Di dalam berkata-kata itu maka kedengaranlah tempik Panji Sangam Negara. Tatkala menjadi bota sedang berperang dengan Ratu Sang Warga Pati itu seperti langit akan runtuh bahananya, pekak telinga segala yang mendengar dia. Maka segala isi istana pun terkejut. Gementar tubuhnya takut masing-masing lari bersusunan. Maka Ken Banjaransari pun pengsan tiada ingat akan dirinya oleh sangat bimbang merasa hatinya tiada harap anakanda baginda ketiga hidup lagi. (Hikayat Kelana Sita Kembara, t.t.:167-170)

Pemerian latar tempat yang melankolik dan perwatakan serta pembinaan monolog yang muram dan gelisah mencerminkan kesedihan dan kepiluan jiwa Ken Banjaransari. Unsur-unsur dialogik dihidupkan oleh pembaca, iaitu pemerian latar yang tuntas dengan pemerian perwatakan Ken Banjaransari yang kemas merangsang imaginasi pembaca dan mula berkembang dalam proses intertekstualiti. Keadaan ini seterusnya membawa pembaca agar berempati dengan perasaan sedih dan kebimbangan yang dihadapi oleh Ken Banjaransari.

Dalam episod seterusnya, suasana resah dan ketidakteraman watak Ken Banjaransari dirakamkan oleh pengkarya bagi memperlihatkan kesedihan Ken Banjaransari. Ken Banjaransari semakin terasa akan tipu muslihat dan cerita yang direka-reka oleh Ratu Ketiga yang telah berjaya memperdaya Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara untuk berperang bagi menentang Kelana Sita Kembara dan Sira Panji Tiga Bersaudara. Setelah segala urusan perbincangan diadakan dengan Sang Nata Gagelang, maka kedua-dua pihak bersetuju untuk berperang di luar kota Gagelang. Perkhbaran tentang peperangan yang akan berlaku dikaitkan dengan perubahan suasana persekitaran. Oleh yang demikian, Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara bersiap sedia datang menghadap Ken Banjaransari untuk meminta dayang-dayang membantu menyusun atur senjata bagi menghadapi peperangan dengan ayahanda mereka yang tidak mereka kenali. Hal ini dilakarkan oleh pengkarya melalui pembentukan dialog dengan keadaan yang menggambarkan persiapan Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara memilih dan menyusun atur alat kelengkapan peperangan, memilih anggota ketenteraan dan pelbagai perkara seumpamanya.

Adapun Kelana Keempat telah datang ke dalam istana maka segera ditegurnya Ken Banjaransari, “Datang adinda dan anakku! Marilah tuan duduk.” Maka keempatnya duduk menyembah.

Maka kata Panji Sangam Negara, “Bonda suruhlah dayang-dayang bersimpan. Tiga hari lagi kita berjalan dan bonda suruh beritahu puteri-puteri sekalian.”

Maka kata Ken Banjaransari, “Hendak ke mana pula tuan pergi ini?” Maka kata Panji Sangam Negara, “Patik hendak pergi ke Gagelang bonda, menyerang Kelana Sita Kembara kerana ia mengambil ibu Anum ing Gagelang.” (Hikayat Kelana Sita Kembara, t.t.:181)

Pembinaan dialog yang digunakan oleh pengkarya ini telah dapat memupuk dan merangsang imaginasi pembaca untuk merasai suasana

kepiluan dan kegelisahan tentang peperangan yang bakal berlaku antara Kelana Sangam Negara Tiga Bersaudara dan Sira Panji Empat Bersaudara. Peristiwa peperangan yang bakal memperlihatkan suasana pilu dan membimbangkan itu turut dirakamkan oleh pengkarya melalui laporan perwatakan Ken Banjaransari. Petikan berikut memperlihatkan kebimbangan Ken Banjaransari terhadap keselamatan ketiga-tiga anak saudaranya:

Maka berdebar hati Ken Banjaransari mendengar anakanda baginda hendak menyerang Kelana Sita Kembara kerana masyhur khabar kelana itu, sangat berkepetangan gagah, berani dengan saktinya. Maka Ken Banjaransari pun menangis seraya memeluk akan anakanda baginda. Katanya, “Aduh, anak ingsun apatah gunanya tuan hendak menyerang penjurit itu. Jika diambilnya pun kaka Galuh apatah daya kita belum gerangan untung kaka Carangtinangluh dengan dia. Tuan dengarlah kata bonda. Ibu menyembah kaki tuan ketiga. Masa jangan tuan pergi menyerang penjurit itu kerana ia sangat jayeng seteru dengan saktinya.” Berkata itu seraya mengangkat tangannya hendak menyembah anakanda baginda. (Hikayat Kelana Sita Kembara, t.t.:181-182)

Melalui pembinaan dialog dan pemerian perwatakan, pembaca dapat merasai, menghayati dan membayangkan suasana suram, kebimbangan, ketakutan dan kesedihan. Melalui gabungan teknik penulisan tersebut, pengkarya berjaya melakarkan aspek kejiwaan watak Ken Banjaransari yang bergolak kerana sikap dan tindakan Panji Sangam Negara dan kedua-dua saudaranya, iaitu Jaran Indera Mengunung dan Andakan Sangwijaya yang nekad untuk berperang bagi melawan Sira Panji Empat Bersaudara.

Pergolakan jiwa Ken Banjaransari tidak hanya terhenti di situ sahaja. Sewaktu tidur bersama-sama Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara, babak-babak peperangan yang mencemaskan dan mengerikan turut mengganggu jiwa Ken Banjaransari yang sememangnya berada dalam keadaan tidak tenteram. Rakaman peperangan yang memperlihatkan kehilangan nyawa insan yang tersayang turut dipaparkan oleh pengkarya melalui mimpi Ken Banjaransari seperti petikan di bawah:

Bermula Ken Banjaransari tatkala beradu sama dengan anakanda baginda itu maka ia bermimpi bermain ke laut sama dengan adinda baginda Misa Rangga Dewa dan anakanda baginda ketiga. Tengah belayar maka turunlah ribut taufan terlalu keras. Perahu itu pun rosak

maka ia sekalian berenang di dalam laut itu, airnya merah seperti darah. Maka datang dua ekor naga bersisikkan emas, culanya manikam. Disambarnya Kelana Sangam Negara dan Andakan Sangwijaya dengan sementara itu ghaib daripada matanya. (Hikayat Kelana Sita Kembara, t.t.:259)

Melalui rakaman mimpi, pembaca dapat mengasosiasikan pergolakan yang berlaku dalam jiwa Ken Banjaransari. Proses estetik intertekstualiti dan pengkonkritan estetik terjadi hasil daripada asosiasi tersebut. Mimpi yang memperlihatkan kehadiran dua ekor ular naga bersisik emas yang menyambar Kelana Sangam Negara dan Andakan Sangwijaya yang kemudiannya ghaib mengejutkan Ken Banjaransari daripada lena. Melalui teknik laporan pembaca semakin dapat berempati dengan pergolakan jiwa yang ditanggung oleh Ken Banjaransari:

Maka Ken Banjaransari pun terkejut daripada beradu. Dilihatnya hari sudah siang dan anakanda baginda ketiga pun sudah tiada. Maka berdebar hati Ken Banjaransari, melayanglah rasa arahnya lalu ia menangis terlalu sangat hendak pergi mendapatkan anakanda baginda ke peperangan. Maka dipujuk segala inang pengasuh dan dayang-dayang, setengah pergi memberitahu segala para puteri. Maka semuanya segera datang mendapatkan Ken Banjaransari. Dipujuknya dengan pelbagai kata yang lembut. Maka kata Raden Kasna Dewi, “Jangan tuan menurut hati. Tiada mengapa anakanda baginda itu. Bukankah sedang anakanda ketiga berperang dengan raksasa di negeri Tanjung Maya, Negara Agung itu tuan memuja angbakti dengan mudah juga anakanda ketiga membunuh raksasa itu.”

Maka sahut Raden Anta Kesuma, “Sungguhlah seperti kata kakanda itu. Baiklah tuan angbangti kalau ada kasihannya segala dewa-dewa jaya peperangan anakanda itu.” Maka benar pada hati Ken Banjaransari mendengar kata puteri-puteri itu makin teringat akan janjinya dengan Putera Ketiga itu, baik sedikit hatinya baharulah ia berhenti daripada menangis lalu basuh muka dan santap sirih. (Hikayat Kelana Sita Kembara, t.t.:260)

Petikan di atas memperlihatkan pengkarya memaparkan permasalahan yang melanda Ken Banjaransari. Melalui pembinaan dialog dan penglibatan watak-watak lain, pengkarya membawa pembaca menyelami perasaan Ken Banjaransari yang merasai sesuatu perkara yang buruk telah berlaku kepada kedua-dua anakanda, Andakan Sangwijaya dan Kelana Sangam

Negara. Kasih sayang Ken Banjaransari terhadap Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara dilihat menyeka perasaan beliau. Pemergian Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara untuk berperang dengan Sira Panji Empat Bersaudara sudah cukup mendera perasaan Ken Banjaransari. Penderaan mental yang dialami oleh Ken Banjaransari bertambah tegang apabila beliau mengenangkan nasib ketiga-tiga anak saudaranya itu. Kebimbangan, kegelisahan dan ketidakteraman Ken Banjaransari mengenangkan nasib yang menimpa Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara turut menghantui dirinya. Kegelisahan mengenangkan Kelana Sangam Negara Tiga Bersaudara sudah cukup mengganggu dan menekan pemikiran Ken Banjaransari, dirakam oleh pengkarya seperti petikan di bawah:

Telah lingsir hari, kedengaranlah bunyi sorak terlalu azamat. Maka Ken Banjaransari pun terkejut lalu segera keluar sambil memegang batil emas berisi bertih beras kuning dan bunga rampai. Pada sangkanya anakanda baginda datang. Seketika lagi tempik sorak orang berperang itu pun berhentilah. Maka Lanang Pati pun datang berlari-lari sambil menangis. Sembahnya, “Aduh tuanku paduka! Anakanda Raden Kelana dan Raden Indera Mengunung dan Raden Sangwijaya sudah hilang di peperangan berperang dengan Sira Panji dan Pangeran Adipati”. Belum habis Lanang Pati berkata-kata itu maka Ken Banjaransari pun terkejut, kerikal pada tangannya itu pun jatuh. Maka ia menghempaskan dirinya lalu pengsan. (Hikayat Kelana Sita Kembara, t.t.:260)

Teknik pemerihalan yang dilakarkan oleh pengkarya itu memaparkan perwatakan Ken Banjaransari secara jelas mampu mengaktifkan imaginasi pembaca untuk menghayati rasa keresahan dan kegelisahan Ken Banjaransari. Beliau sangat mengharapkan kepulangan ketiga-tiga anak saudaranya Andakan Sangwijaya, Panji Sangam Negara dan Jaran Indera Mengunung. Bunyi sorak yang kuat dan kemudian terus berhenti menandakan peperangan telah berakhir sudah pasti memberi tanda kegembiraan pada Ken Banjaransari. Namun begitu, apabila kedatangan Lanang Pati membawa khabar yang mendukacitakan tentang nasib yang menimpa Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara maka Ken Banjaransari tidak dapat menahan perasaannya yang hancur luluh kerana menanti kepulangan mereka.

Peristiwa kehilangan Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara yang menyeka batin Ken Banjaransari, seolah-olah merobek-robek kebahagiaan

dan kasih sayang Ken Banjaransari terhadap ketiga-tiga anak saudaranya itu. Pembinaan cerita dalam bentuk laporan yang memaparkan pergolakan watak Ken Banjaransari yang dilanda kesuraman, kesepian dan kesedihan diperlihatkan oleh pengkarya semasa Ken Banjaransari dan Lanang Pati berjalan di medan peperangan untuk mencari Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara:

Telah sampai keluar kota lalu berjalan ke tengah medan peperangan. Lanang Pati berjalan dahulu. Ken Banjaransari berjalan itu lemah lembut, simpang ke kiri, simpang ke kanan seperti tiada bersemangat rasanya sungguhpun hidup rasa mati. Maka dilihat Ken Banjaransari medan itu seperti laut darah, bangkai manusia bertimbun-timbun, bangkai gajah, kuda bertengkurap seperti pulau di tengah laut. Tendasan yang terpenggal itu seperti batu bergulingan. Tunggul panji-panji berhambur hancuran seperti pohon kayu tumbang. Tombak, lembing seperti ranju dadap. Temiang, jebang, perisai yang pecah itu berhanyutan di dalam laut darah itu. Gagak pun banyak berterbang makan bangkai. (Hikayat Kelana Sita Kembara, t.t.:261)

Perwatakan Ken Banjaransari yang diselubungi kesedihan, kegelisahan dan keperitan itu dimantapkan lagi dengan penemuan mayat Andakan Sangwijaya dan Panji Sangam Negara yang mengharukan di medan peperangan itu. Pengkarya melakarkan keadaan tersebut seperti di bawah:

Maka Ken Banjaransari pun ingatlah akan dirinya lalu bangun, duduk, memeluk, mencium anakanda baginda kedua dengan tangisnya seraya berkata, “Aduh anak ingsun jiwa bonda kedua! Mengapa tuan beradu di sini? Gusarkah tuan akan bonda maka tuan memejamkan mata tiada mahu memandang bonda. Bonda datang pun tuan tiada menegur bonda. Gusar sungguh tuan akan bonda anak ingsun Indera Mengunung. Ke mana gerangan tuan pergi meninggalkan kakanda dan adinda di sini? Aduh yayi Rangga Dewa! Tuanlah yang kakanda harap memeliharaikan anakanda ketiga. Datang hati tuan membuangkan anakku kedua berhantaran di tanah. Anak ingsun batu kepala bonda dan cahaya mata bonda kedua hilang di mana? Bonda cari diraja bonda tuanlah tangkai kalbu bonda, tuanlah jemala mahkota bonda. Anakku di dalam asuhan bonda, anakku di dalam pelihara bonda putera pun budak. Kanak-kanak usia pun belum lagi remaja. (Hikayat Kelana Sita Kembara, t.t.: 264)

Pemaparan dialog yang diperlihatkan dalam bentuk ratapan melaporkan pergilakan jiwa yang sedang menghantui fikiran Ken Banjaransari ini membantu pembaca untuk berimajinasi dan cuba menjiwai watak Ken Banjaransari. Pembaca dapat memahami hakikat sebenar yang dilalui oleh Ken Banjaransari serta kesukarannya untuk menerima kehilangan Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara yang telah dipelihara dengan penuh kasih sayang semenjak mereka kecil lagi apabila terpisah daripada ibu bapa kandung mereka.

Selain dialog, imaginasi pembaca dipengaruhi pula dengan laporan perwatakan yang berikut:

Maka berbagai-bagailah bunyi ratap Ken Banjaransari menghancurkan hati segala yang mendengar dia seraya mengambil keris daripada tangan anakanda baginda kedua dan dibukanya sabuk pada dada anakanda baginda itu. Kelihatannya luka pada dadanya. Maka Ken Banjaransari pun mengharap menangis kemati-matian. Telah ia ingat lalu bangun menyambut kepala putera kedua, diribanya seraya berkata, “Aduh anak ingsun jiwa bonda! Tuan bawalah bonda pergi bersama tuan ketiga. Hidup pun apakan gunanya lagi. Mata siapa bonda pandang”. Berkata itu sambil menyikat atau mengikat rambut putera kedua. (Hikayat Kelana Sita Kembara, t.t.:263)

Berpandukan pemerian perwatakan Ken Banjaransari, pembaca berjaya merakam imej yang menjadi mekanisme yang berkesan untuk merangsang emosi pembaca dan seterusnya berempati dengan ekspresi sastera yang digambarkan oleh pengarang. Pemaparan keresahan dan kesedihan yang dilalui oleh Ken Banjaransari membawa pembaca agar mendapat kesan penghayatan yang lebih baik dan berkesan.

Sekali lagi dengan bunyi ratapan yang sungguh pilu dan mengharukan, Ken Banjaransari telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca di samping menghidupkan imaginasi pembaca. Kesan bunyi ratapan dalam bentuk monolog ini semakin meluas apabila diperkuuh dengan laporan perwatakan Ken Banjaransari yang sangat menyeluruh:

Adapun Ken Banjaransari telah ia ingatkan dirinya maka ia bangun, duduk, memeluk, mencium anakanda baginda keduanya katanya, “Aduh, anak ingsun! Bangunlah tuan beradu. Apakah jiwaku ini ketika ini? Melas bonda hendak ditawan orang. Benci sungguh tuan akan bonda Emas Merah Mahkota bonda. Makin bertambah-

tambah baik paras anakku ini seperti matahari berempat bulan. Jika dilihat ayah bondamu, entahkan bagaimana gerangan lakunya. Matilah bonda cintakan tuan. Gilalah ayahanda masyghulkan tuan. Wilanganlah bonda dukakan tuan putera umpama gunung manikam hilang di mata bonda cari. Bangunlah tuan, mari kita pulang ke bumi istana. Ayahanda bonda cintakan tuan, nenda kedua rindukan tuan, kampuh kesumba dendamkan tuan, sabuk candi berahi akan tuan. Hilang berhabis sekali jiwa bonda seperti telur sesarang anakku ini pada siapa tuan tinggalkan? Di mana lagi tempat bonda mengibur hati jika dua hilang, seorang tinggal dapat juga jadi jemala bonda, mahkota bonda. Dapatlah melipurkan lara bonda tuan ketiga sekali, hilang lelahnya bonda memeliharkan tuan, belum puas bonda julang, belum puas bonda timang. Aduh Dewa Betara di kayangan! Ambillah aku hendak bersama dengan anakku ketiga. Jangan tuan berjalan langsung, nantilah bonda di jalan.” Berkata itu seraya mengambil keris Kelana Sangam Negara menikam dirinya. Kena dada terus ke belakangnya lalu rebah lagi lupakan dirinya seperti orang pengsan hampir anakanda baginda kedua, tangan kanan memeluk Kelana Sangam Negara tangan kiri memeluk leher Andakan Sangwijaya. Rambutnya terurai seperti mayang menggurai, punggungnya mengerna ke gapura seperti orang beradu, mukanya berkilat-kilat berpalu dengan permata, subangnya terlalu baik parasnya, rupanya seperti anakan bidadari manis sepertikan titik madu kandis merosakkan hati segala yang melihat dia. (Hikayat Kelana Sita Kembara, t.t.:266)

## PERBINCANGAN

Pemaparan perwatakan Ken Banjaransari melalui bentuk dialog tersebut serta dibantu dengan pemerian perwatakan, mewujudkan satu suasana yang harmoni. Oleh itu, pengkarya berjaya memperlihatkan perlakuan Ken Banjaransari dengan keadaan beliau yang resah dan tidak tenteram apabila memikirkan keselamatan dan kehidupan ketiga-tiga anak saudaranya, iaitu Kelana Sangam Negara Tiga Bersaudara. Perlakuan Ken Banjaransari yang resah itu semakin dapat dikenal pasti dengan tepat setelah pengkarya berjaya memperlihatkan perwatakan beliau yang berada dalam keadaan kesedihan.

Perwatakan Ken Banjaransari yang dihuraikan dan diperlihatkan dalam keadaan resah, bimbang dan sedih ini dapat dikaitkan dengan dua buah peperangan. Dua buah peperangan yang melibatkan persengketaan

anakandanya Kelana Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara dengan raksasa jelmaan dan ayahanda mereka Sira Panji Empat Bersaudara telah menjelaskan kesedihan watak Ken Banjaransari yang dihuraikan dalam naskhah cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara*. Kehadiran watak-watak utama, iaitu Sira Panji Empat Bersaudara, Kelana Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara dan Ken Banjaransari yang merupakan anak cucu Menteri Angkuripan Empat Bersaudara turut mewarnai penghasilan cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara*. Penampilan watak Ken Banjaransari yang diteliti dalam kajian ini diperkuuh dengan gabungan watak-watak panji dengan raksasa jelmaan dan Ratu Ketiga.

Pembaca dapat menghayati akan keindahan dalaman yang ingin disampaikan oleh pengkarya yang memaparkan watak Ken Banjaransari. Pengkarya memaparkan watak Ken Banjaransari yang merupakan ibu saudara kepada Kelana Sangam Negara Tiga Bersaudara ini sebagai insan yang sangat bertanggungjawab dan sentiasa memelihara keselamatan anak saudaranya. Hal ini menunjukkan sifat amanah dan bertanggungjawab dalam menjaga anak saudara semasa ketiadaan ibu bapa kandung mereka walaupun bukan anak sendiri turut dituntut dalam kehidupan bermasyarakat di dunia ini tanpa mengira agama mahupun bangsa. Keadaan ini juga berlaku dalam masyarakat yang mengamalkan kepercayaan Hindu seperti yang diperlihatkan dalam naskhah cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara*. Oleh itu, dapat diringkaskan bahawa sifat kasih sayang dan mengambil berat serta bertanggungjawab Ken Banjaransari terhadap anak saudaranya memperlihatkan budaya masyarakat Jawa yang baik dan wajar dijadikan teladan.

Secara keseluruhan, kaedah formalistik berjaya memaparkan cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara* yang memperlihatkan suasana kesengsaraan, keresahan, berpisah dengan orang yang dikasihi, mati dalam perperangan dan pelbagai peristiwa yang tidak menyenangkan dapat dijelaskan dengan baik dan berkesan. Teknik penceritaan seperti dialog, monolog, pemerian latar tempat, dan pemerian perwatakan pula menjadi pilihan pengkarya untuk memaparkan peranan Ken Banjaransari yang dirundung kegelisahan dan kesedihan kerana perpisahan dengan Kelana Sangam Negara Empat Bersaudara.

## KESIMPULAN

Berdasarkan penampilan watak wanita Ken Banjaransari, pengkarya berupaya memaparkan peranan Ken Banjaransari sebagai ibu saudara yang bertanggungjawab dalam menjaga ketiga-tiga anak saudaranya dan menggerakkan alur cerita Ms 46 Cerita Panji *Hikayat Kelana Sita Kembara* agar menjadi lebih menarik. Selain daripada membantu watak utama, watak wanita Ken Banjaransari yang memiliki sifat keibuan dan sangat pengasih, menjaga kebijakan, mendidik dan mengambil berat terhadap keselamatan ketiga-tiga orang anak saudaranya setelah mereka terpisah daripada ayahanda dan bonda mereka. Keperihatinan Ken Banjaransari terhadap anak saudaranya Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara ini secara tidak langsung memaparkan kebimbangan, ketakutan dan kesedihan Ken Banjaransari apabila anak saudaranya melawan dengan raksasa dan nekad berperang bagi menentang Sira Panji Empat Bersaudara. Pengkarya menggunakan beberapa teknik penyampaian seperti dialog, monolog, pemerian latar tempat dan perwatakan, teknik imbas kembali dan juga pembinaan kata-kata yang berbentuk personafikasi bagi membina alur cerita Ms 46 cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara*. Alur cerita atau plot cerita Ms 46 cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara* dibina oleh pengkarya dengan peranan watak wanita Ken Banjaransari, menjadikan rangkaian peristiwa yang direka dan dijalin dengan saksama serta menggerakkan jalan cerita agar menjadi lebih mantap dan menarik dengan watak Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara dan lain-lain watak. Pembentukan watak Ken Banjaransari sebagai ibu saudara yang prihatin, bertanggungjawab dan sangat kasih terhadap anak saudaranya, Panji Sangam Negara Tiga Bersaudara turut menjadikan karya ini lebih menarik dan pembaca karya juga turut merasai emosi Ken Banjaransari yang semakin resah dan sedih atas malapetaka yang menimpa ketiga-tiga anak saudaranya, di samping membangkitkan emosi sedih dan simpati yang mendalam kepada pembaca. Watak wanita Ken Banjaransari yang dihasilkan ini juga dilakarkan oleh pengkarya bagi membantu watak-watak wira demi memperlihatkan keperwiraan dan kehebatan watak-watak utama yang tiada tolok bandingnya. Sebagai rumusan, pewarnaan watak wanita Ken Banjaransari ini menjadikan penceritaan naskhah cerita panji *Hikayat Kelana Sita Kembara* lebih menarik dan memukau pembaca melalui jalinan cerita dan kreativiti pengkarya.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Kaeh. (1976). *Hikayat Misa Taman Jayeng Kesuma: Sebuah Cerita Panji Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Kaeh. (1989). *Panji Narawangsa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Kaeh. (2007). *Hikayat Panji Jayeng Kusma*. Yayasan Karyawan.
- Berg, C.C. (1927). *De middel Javaansche historische traditie*. Uitgeverij C. A. Mees.
- Berg, C.C. (1930). *Rangga lawe: Middeljavaansche historische roman*. Albercht & Co.
- Harun Mat Piah. (1972). *Cherita-cherita panji Melayu* [Tesis Ijazah Sarjana Sastera]. Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Harun Mat Piah. (1989, 22-23 Julai). *Cerita panji Nusantara dari aspek manusia dan kepercayaan*. [Kertas kerja]. Seminar Kesusasteraan Klasik, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Harun Mat Piah. (1996, 20 Mei). *Hikayat-hikayat panji Brunei: Aspek lokalisasi dalam konteks cerita-cerita panji Asia Tenggara*. [Kertas kerja]. Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing, Pusat Persidangan Antarabangsa, BFSU, Beijing, China.
- Hikayat Kelana Sita Kembara*. MS46. Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (1978). *Panji Jayengtilem dalam satu tinjauan* [Tesis Sarjana]. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriah Mohamed. (1989). *Panji Jayengbaya: Penyelenggaraan dan analisis teks* [Tesis Doktor Falsafah]. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Noriah Mohamed & Mariyam Salim. (2005). *Sastera Panji*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panuti Sudjiman. (1988). *Memahami cerita rekaan*. Pustaka Jaya.
- Poerbatjaraka, R. M. Ng. (1940a). *Pandji-verhalen onderling vergeleken* /Bibliotheca Javanica 9/. Nix & Co.
- Poerbatjaraka, R. M. Ng. (1940b). Dowa-Roetji. *Djawa*, 20:5-55.
- Poerbatjaraka, R. M. Ng. (1968). *Tjerita-tjerita pandji dalam perbandingan* (Terj. Zuber Usman & H. B. Jasin). Gunung Agung.
- Ras, J. J. (1973a). The Panji romance and W. H. Rassers analysis of its theme. *Bijdragen tot de Taal-Land-en Volkenkunde*, 129: 411-456.
- Ras, J. J. (1973b). *Function and background of Indonesian panji tales*. XXXIXth International Congress of Orientaliste, Paris.
- Rassers, W. H. (1922). *De Pandji Roman*. Boekdrukkerij.
- Rassers, W. H. (1959). *Panji, the cultural hero: A structural study of religion in Java*. Martinus Nijhoff.
- Rattiya Salleh. (1988). *Panji Thai dalam perbandingan dengan cerita-cerita panji Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Robson, S. O. (1969). *Hikayat Andaken Penurat*. Martinus Nijhoff.
- Robson, S. O. (1971). *Wangbang Widaya: A Javanese panji romance*. Martinus Nijhoff.
- Teeuw A. (1966). *Syair Ken Tambuhan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Khairoslinda Wan Mohd Khairi, Zubir Idris, Yusmilayati Yunos. (2017). Hikayat Kelana Sita Kembara: Naskhah cerita panji Melayu. *Malay Literature*, 30(1).